

Ekonomi bertambah buruk jika PKP semula

Kosmo - 9/8/2020 m/s: 6

Oleh SHARKAWI LONDING
dan NUR ALINA HASSAN

MUAR - Ekonomi negara akan berhadapan kesan lebih buruk berbanding sebelum ini sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan telah memperuntukkan RM295 bilion untuk memulihkan ekonomi pada ketika ini dengan sebahagiannya telah diagihkan kepada pihak memerlukan.

"Jika kita kembali semula kepada keadaan asal atau PKP sebelum ini, ekonomi kita akan pasti alami kesan lebih buruk.

"Rakyat sudah tentu tidak mahu kerajaan melaksanakan semula PKP secara menyeluruh apabila keadaan itu menyebabkan pelbagai masalah termasuk

menjejaskan usaha pemulihan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Suku Pagoh di sini semalam.

Hadir sama Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, bagi mengelakkan perkara itu berlaku semula, rakyat digesa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bertujuan bagi mengekang penularan virus Covid-19.

Beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus memprak-

tikkan amalan kebiasaan baharu dengan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Katanya lagi, norma baharu yang perlu diberikan perhatian adalah mengelakkan 3S iaitu kawasan yang sesak dan sempit serta bersempang dalam jarak dekat.

"Saya yakin pihak berkuasa akan membuat peringatan dari semasa ke semasa sama ada melalui pengumuman di media, bahan bercetak dan juga media sosial.

"Yang penting, kita perlu mengikuti dan menyebarkan hanya maklumat sahih. Selain itu, sentiasalah berwaspada dan patuh dengan arahan pihak berkuasa dalam mengamalkan budaya norma baharu ini," katanya.